

## **BAB LIMA**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### 5.1 Pendahuluan

Setelah membuat penelitian berhubung masalah hukum sehingga mencetuskan hasil kajian terhadap tajuk yang dikaji, maka adalah perlu bagi pengkaji memberi rumusan terhadap apa yang telah dihasilkan.

Ini bertujuan untuk membentuk hasil kajian yang benar-benar baik dan sebagai gambaran bahawa sesuatu kajian berhasil menerusi hasil kajian yang benar dan adil kepada semua pihak.

Bagi menyatakan maksud kajian ini, pengkaji meletakkannya seperti dibawah.

## 5.2 Pendapat yang rajih

Setelah membuat penelitian terhadap hujah-hujah yang dikemukakan serta memperbincangkan semula secara ilmiah, maka pengkaji dengan yakin dan bersikap sederhana bahawa amalan merokok ini tidak boleh dikategorikan sebagai harus secara pasti. Ini kerana kemudharatannya, busuk dan mensia-siakan harta. Pendapat selebihnya pula terletak sama ada ia makruh atau pun haram?

Bagi pengkaji, umumnya merokok masih boleh dikategorikan sebagai makruh tahrimi terhadap golongan tertentu berdasarkan dalil-dalil makruh yang lalu. Walau bagaimanapun, amalan merokok boleh menjadi haram secara pasti terhadap individu tertentu apabila ternyata kemudharatan rokok mula meresapi dirinya menurut pandangan pakar perubatan yang diakui.

Bagaimana pun, kemudharatan tersebut tidak perlu kelihatan secara zahir akan diri seseorang perokok, bahkan adalah memadai apabila dia pergi menemui pakar kesihatan untuk membuat pemeriksaan kesihatan atau dinasihatkan supaya berhenti merokok boleh membantu kesihatan yang lebih baik.

Justeru itu, amalan merokok tersebut boleh menjadi haram ke atas individu tersebut sehingga menyebabkan ketagihan serta memandekkan umur.

Selain itu, wanita yang merokok dan suaminya melarang dari meneruskannya, adalah wajib baginya untuk taat. Ini pernah ditegaskan oleh Syeikh Isma'il al-Nablusi (bapa kepada Syeikh Abdul Ghani al-Nablusi) di dalam syarah kitab **al-Durr al-**

**Mukhtar** seperti mana yang dinyatakan; bahawa suami yang melarang isterinya dari memakan bawang dan segala yang boleh membusukkan mulut. Katanya seperti berikut;<sup>168</sup>

( وَمَقْضَاهُ الْمَنْعُ مِنْ شَرِبِهَا النَّتْنُ لِأَنَّهُ يَنْتَنُ الْفَمُ خَصْوِصًا إِذَا كَانَ

الزَّوْجُ لَا يَشْرِبُ أَعْذَنَا اللَّهُ تَعَالَى مِنْهُ )

*Ertinya : Penghukuman kami dengan melarang menghisapnya kerana membusukkan terutama membusukkan mulut. Apabila suami tidak menghisapnya, kami berlindung pada Allah ta'ala darinya .*

Setelah melihat segala penggunaan kaedah dan alasan yang dikemukakan keseluruhannya, saya berpendapat bahawa hukum merokok pada masa sekarang ini adalah haram. Ini memandangkan tabiat merokok sudah sampai ke tahap kritikal apabila semua perokok pasti merasa sukar untuk menghentikan tabiat mereka. Bahkan ketagihan semakin mencengkam mereka. Ini yang dimaksudkan dengan kemudharatan terhadap akal dan tubuh badan.

Pengambilan hukum ini turut disertakan dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia kali ke-37 yang berlangsung pada 23 Mac 1995 lalu di Pusat Islam telah memutuskan bahawa merokok adalah haram dalam pandangan Islam kerana beberapa aspek seperti di atas.

<sup>168</sup> Ibnu 'Abidin (1998M/1419H), op. cit. J. 10, hal. 40.

### 5.3 Amalan Merokok Di Masjid Tanah

Setelah melihat hasil kajian terhadap amalan merokok di kawasan Masjid Tanah, Melaka, maka rumusan yang dapat dihasilkan oleh pengkaji adalah seperti berikut;

- 1- Hukum Islam telah mendalamai permasalahan berkaitan dengan rokok. Mereka berpecah kepada empat pendapat yang utama iaitu; Haram, Makruh, Harus serta Haram apabila terdapat kemudharatan. Di sini kebanyakan para ‘ulama telah berusaha memberi pendapat masing-masing. Perdebatan-perdebatan secara ilmiah dari pelbagai sudut dikemukakan. Kebanyakannya menghukum dengan hukum haram terutama para ‘ulama salaf dan semasa di kalangan empat mazhab yang muktabar. Hujah-hujah yang dikemukakan adalah mencakupi pelbagai bidang terutama kesihatan, harta dan pembaziran di mana kesemuanya tidak memberi faedah langsung kepada perokok-perokok sendiri, masyarakat sekeliling termasuk negara juga.
  
- 2- Amalan merokok di kalangan masyarakat Melayu di Masjid Tanah, Melaka telah berada di paras yang tinggi sedangkan jumlah pendapatan mereka adalah sederhana rendah. Tabiat ini menyebabkan masyarakat di sini terus dihimpit kesukaran dari segi kewangan dan sebagainya. Jika keadaan ini berterusan akan menyebabkan pembangunan di kalangan masyarakat ini akan terjejas. Tambahan lagi dengan keadaan mereka yang leka dan berterusan merokok sehingga memberi kesan pembaziran.

- 3- Masyarakat Melayu di kawasan Masjid Tanah, Melaka tidak mempunyai kefahaman yang jelas berkaitan dengan hukum merokok. Ini disebabkan pegangan lama oleh para responden yang menyatakan bahawa ia disebut oleh para fuqaha'. Hakikatnya, mereka tidak melihat kepada perubahan semasa yang lebih kompleks, sedangkan syariat Islam sentiasa berkembang mengikut keadaan kontemporari. Ini dapat dilihat menerusi Jadual 4.3.2p di mana mereka yang menentang pengharamannya sebanyak 75 %. Ini ditambah dengan hanya 8 % yang berpendapat bahawa rokok patut dihukum dengan haram, sebanyak 58 % responden menetapkan sebagai makruh dan 34 % memberi hukum lain-lain menerusi Jadual 4.3.2q.
- 4- Masyarakat Melayu di kawasan Masjid Tanah, Melaka telah terdedah kepada bahaya merokok dari pelbagai latar belakang dan sebab. Mereka belum bersedia untuk menerima perubahan yang ketara terutama taraf pendidikan yang kurang mantap di kalangan mereka. Akhirnya mereka terdedah dengan pelbagai masalah. Keadaan ini semakin bertambah apabila proses urbanisasi masyarakat berjalan serentak dengan dasar pembangunan kerajaan. Ini menyebabkan masalah ini semakin sukar dibendung sehingga mereka larut dalam arus pembangunan tanpa memaham dasar dan hasrat kerajaan.
- 5- Rata-rata masyarakat Melayu di Masjid Tanah, Melaka berpendidikan sederhana dan hanya sebahagian kecil yang berjaya ke tahap tertinggi (Universiti). Dengan tahap pendidikan sebegini, masalah dan bahaya merokok kurang diambil peduli oleh mereka. Ini disokong dengan melihat

jadual 4.3.2f bahawa permulaan merokok adalah sejak dari remaja lagi iaitu 60 %. Selain itu, pendapatan bulanan yang sederhana besar dan mendiami kawasan yang taraf hidup yang rendah-sederhana dan sederhana-tinggi turut menyokong amalan ini berterusan. Ini ditambah lagi dengan faktor geografi kawasan ini di mana kedudukan kawasan ini terletak di luar pesisir Bandar, walau pun Majlis Daerah Alor Gajah bercadang untuk memajukan kawasan ini, telah mewujudkan suasana yang menggalakkan fenomena ini atau budaya merokok selain sikap kurang peka dengan masalah ini. Dengan melihat jadual 4.3.2g telah menyokong keadaan ini apabila 85 % merokok kerana suka-suka dan sebab yang lain.

- 6- Akibat faktor di atas menyebabkan amalan merokok di kalangan masyarakat Melayu semakin meningkat di kawasan Masjid Tanah, Melaka selain faktor-faktor lain yang turut menyumbang ke arah tersebut. Keadaan ini boleh dilihat menerusi jadual 4.3.2a yang lalu. Keadaan ini lebih membimbangkan memandangkan 58 % perokok merokok lebih dari 10 batang rokok sehari berbanding sebaliknya iaitu hanya 42 % (Rujuk jadual 4.3.2b). Dengan melihat jadual 4.3.2j, jelas menunjukkan faktor ketagihan telah menyebabkan amalan ini semakin meningkat. Jika sekotak rokok berjumlah 20 batang dengan harga RM 5.00, maka mereka telah berbelanja sebanyak RM 75.00 sebulan; mengambil kira 10 batang rokok sehari atau RM 912.50 setahun (365 hari). Ini menggalakkan pembaziran dengan kadar upah mereka yang sederhana dan tidak termasuk perbelanjaan perubatan akibat merokok.

- 7- Rata-rata perokok di Masjid Tanah, Melaka kurang bermaklumat tentang pengambilan hukum merokok dan kurang terdedah kepada persoalan hukum semasa selain perasaan ego mereka yang enggan mengakui hukum merokok yang sebenar. Dengan melihat jadual 4.3.2q, jelas mereka tidak memahami persoalan hukum semasa dan jadual 4.3.2o menunjukkan hanya 10 % sahaja yang menyedari bahawa hukum merokok adalah haram. Sementara itu, 75 % tidak menyetuju pengharaman merokok. (Jadual 4.3.2p)
- 8- Rata-rata perokok di kawasan Masjid Tanah, Melaka memberi pelbagai alasan mereka merokok. Hakikat sebenar ialah mereka memang terpengaruh dengan aktiviti ini semenjak dari awal lagi. Dengan merujuk jadual 4.3.3 telah menunjukkan keadaan merokok semakin berkembang dari semasa ke semasa dan keadaan ini harus dibendung segera oleh semua pihak.

#### 5.4 Cadangan

Setelah melihat dan meneliti tentang permasalahan mengenai rokok ini, maka pengkaji suka untuk memberi beberapa cadangan kepada pihak tertentu, supaya gejala merokok ini dapat diatasi atau sekurang-kurang ia dikurangkan sehingga ke tahap minimum.

Pengkaji melihat bahawa rokok adalah salah satu isu besar terhadap negara dan rakyatnya. Ini sudah tentu membawa suatu gejala buruk terhadap kedaulatan sesebuah negara. Tambahan pula, banyak gejala sosial turut berkait-rapat dengannya kerana pengaruh rokok amat berkesan terutama di kalangan remaja yang sememangnya berminat untuk mencuba segala perkara yang baru.

Ini dapat kita perhatikan melalui perancangan yang rapi yang mana strategi pemasaran rokok mula ditujukan kepada golongan remaja iaitu mereka yang akan memikul tugas negara pada masa akan datang. Cadangan ini disediakan dalam dua bentuk iaitu bentuk umum dan khusus. Antara cadangan pengkaji dapat diperhatikan seperti di bawah ;

#### 5.4.1 Cadangan Khusus

- 1- Kerajaan Negeri Melaka perlu menjalankan kempen-kempen kesedaran di kawasan Masjid Tanah dan peringkat negeri sebagai usaha menyokong usaha kerajaan pusat membasmi gejala merokok, umpamanya di kalangan remaja. Ini termasuk mengikuti segala kempen kerajaan pusat dari peringkat awal lagi. Antaranya ialah kesedaran yang maksimum terhadap bahaya dan kesan rokok dengan mengedor buku-buku yang benar-benar berkualiti berkaitan dengan gejala ini. Dalam kandungan buku tersebut perlu diselitkan pandangan-pandangan para ulama serta perbahasan mengenainya termasuk pendapat-pendapat

pakar kesihatan mengenai rokok. Kefahaman yang mendalam tentang hukum semasa mengenai merokok pada zaman sekarang diharap membuka fikiran mereka untuk mengambil hukum tersebut dan berusaha menyokong langkah-langkah kerajaan sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat pusat. Kemudian kempen ini diperluaskan ke peringkat negeri sehingga masyarakat mempunyai kesedaran tinggi tentang bahaya merokok.

- 2- Kerajaan Negeri Melaka juga menerusi agensi-agensi kerajaan negeri boleh menguatkuasakan undang-undang membanteras penggunaan rokok di kalangan masyarakat Islam. Umpamanya, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah mengenakan cukai atau denda ke atas individu yang merokok dan membuang rokok di merata-rata tempat. Ini turut membantu mengindah kawasan sekitar negeri Melaka dari kekotoran. Tindakan ini boleh dijalankan secara kerjasama Jabatan Penerangan, Majlis Daerah, Rela, Rukun Tetangga, Penghulu, Jawatankuasa dan Keselamatan Kampung (JKKK), Sidang dan lain-lain.

- 3- Kerajaan Negeri Melaka seharusnya memberi penekanan terhadap aspek-aspek pembangunan pendidikan, moral dan social di kalangan masyarakat Melayu di Masjid Tanah,

Melaka dengan menyediakan program-program berbentuk kemasyarakatan sehingga kesedaran yang tinggi terhadap amalan merokok dapat diatasi dan dihindarkan bermula dari peringkat awal lagi. Golongan sasaran adalah bermula dengan kanak-kanak, remaja, dewasa dan golongan yang telah berumur. Kemudian program ini dibuat secara berterusan sehingga kanak-kanak di atas mencapai umur dewasa. Program yang berterusan sebegini diharap membantu membanteras sebahagian besar usaha-usaha syarikat rokok yang mempromosi rokok mereka sehingga gejala ini sukar dikawal. Dengan program berterusan sebegini akan meningkatkan sahsiah diri setiap masyarakat di kawasan Masjid Tanah, Melaka dan menghindarkan mereka dari terdedah dengan bahaya merokok.

- 4- Kerajaan Negeri perlu mengeluarkan perbelanjaan yang berpatutan dan sesuai dengan tuntutan semasa kepada jabatan-jabatan berkenaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi membanteras gejala merokok dan kegiatan-kegiatan lain yang tidak sihat. Ini kerana tanpa perbelanjaan yang bersesuaian, maka segala usaha membanteras tidak dapat dijalankan secara berkesan. Selain memberi bantuan kewangan, kerajaan negeri juga harus memantau setiap program tersebut agar benar-benar membawa faedah dan bersesuaian dengan dasar kerajaan negeri serta tidak

membazirkan wang sewenang-wenangnya dengan membiarkan mereka menjalankan program yang tidak sesuai.

- 5- Usaha dan program yang telah dilaksana atau akan dilaksana oleh kerajaan perlu diteruskan. Namun kajian lebih terperinci harus dibuat supaya usaha-usaha tersebut tidak terbengkalai di tengah jalan sahaja. Segala program tersebut mesti mendapat pandangan dan sokongan dari golongan yang berwibawa seperti golongan agama, golongan professional, pendidik, ketua-ketua masyarakat dan wakil-wakil belia yang berwibawa. Ini bertujuan usaha murni ini dapat dijalankan secara menyeluruh dan dapat diterima oleh semua pihak yang kemudiannya menyetai usaha-usaha ini.
- 6- Kerajaan Negeri Melaka harus menujuhkan dan mengaktifkan persatuan-persatuan belia dengan mengembeling tenaga mereka menerusi program-program berkualiti yang boleh menarik minat belia dan bersesuaian dengan matlamat membina sahsiah mereka. Apa yang berlaku ialah banyak persatuan belia ditubuhkan dan banyak juga yang tidak aktif. Ini termasuklah ketidakmampuan Ahli Jawatankuasa (AJK) Persatuan mengendalikan mesyuarat sehingga tidak mampu membuat

program yang berkesan. Ini boleh membantutkan usaha kerajaan negeri untuk membanteras segala masalah sejak dari awal lagi. Ini dapat dilihat menerusi jadual 4.3.2f dan 4.3.2g di mana aktiviti merokok berlaku sejak mereka belia lagi dan mereka seolah-olah langsung tidak memanfaatkan persatuan-persatuan belia yang sedia ada.

#### 5.4.2 Cadangan Umum

- 1- Pengkaji mencadangkan kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kerajaan Malaysia supaya mewartakan segera fatwa haram merokok bagi umat Islam di negara ini. Ini turut disokong oleh kenyataan Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S.M. Mohd Idris sempena sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia agar fatwa yang dikeluarkan pada 23 Mac 1995, mengisyiharkan tabiat merokok adalah haram bagi umat Islam di negara ini.<sup>169</sup>
  
- 2- Pengkaji juga mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan supaya meningkatkan usaha penguatkuasaan dan kempen anti merokok di semua peringkat usia. Ini kerana kempen yang dijalankan selama ini dilihat sebagai gagal menghalang rokok dari berleluasa. Kelemahan

---

<sup>169</sup> Ridzuan Yob, Berita Harian, (31 Mei 2000), op. cit., hal 12.

keberkesanan kempen ini turut diakui oleh Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Chua Jui Meng ketika melancarkan Minggu Tanpa Tembakau peringkat kebangsaan di Dewan budaya, Universiti Sains Malaysia (USM). Dalam ucapannya, beliau menyebut ;

*'Bagi mengatasi masalah penggunaan tembakau khususnya merokok, usaha secara bersepeda antara semua agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), individu dan masyarakat sangat diperlukan. Bagaimanpun, usaha untuk menyekat remaja daripada merokok bukan mudah. Kempen anti merokok dan penguatkuasaan melarang seseorang di bawah 18 tahun merokok masih belum mendatangkan hasil seperti yang diharapkan. Dilaporkan 99 peratus penagih dadah bermula dengan tabiat merokok. Sehubungan itu, usaha menyekat tabiat merokok harus diperhebatkan supaya masalah penagihan dadah dapat dikurangkan.'*<sup>170</sup>

- 3- Pihak kerajaan Malaysia dengan usaha sama Kementerian Kesihatan dan jabatan yang terbabit perlu mengharamkan segala bentuk pengiklanan jenama rokok sama ada secara langsung atau tidak di dalam media serta mengharamkan penajaan acara oleh syarikat tembakau. Ini telah ditekankan menerusi satu resolusi yang terhasil hasil dari bengkel kebangsaan mengenai 'Tembakau dan Islam' yang berlangsung pada 20 Mei 2000 lalu untuk menggesa pihak berkuasa supaya mewartakan dan melaksanakan fatwa itu dengan lebih berkesan. Dr. Sallehuddin Abu Bakar, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Jabatan Kesihatan Awam telah berkata, bahawa didapati di negara

<sup>170</sup> Ibid, hal : 12.

ini salah satu syarikat tembakau utama iaitu British American Tobacco (M) Sdn. Bhd. telah membelanjakan tidak kurang dari RM200 juta setahun bagi tujuan mempromosi rökok mereka.<sup>171</sup>

- 4- Dalam usaha membasmi masalah merokok, kerajaan Malaysia perlu mempertanggungjawabkan soal gejala merokok yang semakin merebak ini ke atas bahu pihak pengeluar rokok juga. Ini kerana ia dilihat seperti satu pihak bermati-matian menguatkuasakan undang-undang membanteras gejala ini selain terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mengubat pesakit-pesakit akibat tabiat ini. Manakala satu pihak lagi hanya tahu mengaut keuntungan yang besar dari hasil jualannya. Keadaan ini dilihat tidak adil. Syarikat-syarikat pengeluar rokok seharusnya bertanggungjawab sama membantu pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Ini ditegaskan oleh Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S.M. Moohamed Idris bahawa kajian mendapati rakyat Malaysia telah membelanjakan kira-kira RM3.5 billion setahun untuk membiayai tabiat mereka. Ini tidak termasuk kos perubatan sekiranya mereka diserang pelbagai jenis penyakit seperti penyakit paru-paru. Kos untuk mengubat seorang pengidap kanser paru-paru di hospital dianggarkan

<sup>171</sup> Berita Harian (1 Jun 2000), op. cit., hal : 5.

kira-kira RM50,000 dan ini tidak termasuk kos tambahan yang perlu ditanggung oleh keluarga pesakit.<sup>172</sup> Apa yang menyediakan ialah syarikat-syarikat pengeluar rokok terus mengembangkan amalan ini dengan berselindung melalui pelbagai aktiviti kebajikan, tajaan sukan dan hiburan melalui media massa, pemberian rokok percuma dan sebagainya.

- 5- Pemimpin-pemimpin Islam dari pelbagai peringkat harus menunjukkan kesungguhan dengan turut serta membanteras tabiat merokok di kalangan rakyat negara ini. Keadaan ini tidak mungkin berjaya tanpa daya usaha mereka. Ini kerana mereka menjadi simbol ikutan rakyat selain merangka pelbagai dasar-dasar kerajaan dalam menentukan hala tuju negara kita. Sebagai contoh, mereka boleh menunjukkan kesungguhan dengan membentuk dan menguatkuaskan undang-undang iaitu rokok hanya boleh dijual secara berlesen seperti penjualan minuman keras. Dengan ini, pemantauan secara teratur dapat dilakukan dan mengurangkan gejala ini dari merebak ke atas golongan remaja dan ke bawah.

---

<sup>172</sup> Norzahizan Ismail, Utusan Malaysia (31 Mei 2000), op. cit , hal : 20.

- 6- Usaha-usaha awal pihak kerajaan menaikkan harga rokok di pasaran pada setiap tahun menerusi pembentangan *Belanjawan Negara* ke paras tertentu mungkin sedikit sebanyak boleh membantu mengurangkan gejala ini, namun ia belum tentu mencukupi untuk membendung gejala sosial yang semakin meningkat. Ini kerana kerajaan terpaksa berhadapan dengan penyeludup-penyaludup rokok yang boleh merosakkan dan membebankan institusi keselamatan negara dan pendapatan negara juga.

## 5.5 Penutup

Adalah menjadi harapan pengkaji dengan rumusan dan cadangan yang dikemukakan terhadap persoalan yang timbul hasil dari kajian ini menutup segala masalah dan setiap persoalan yang timbul mengenai isu di atas secara langsung.

Apa yang lebih utama dari persoalan ini ialah para pengkaji berikutnya boleh mengkaji dan mengembangkan jawapan bagi persoalan ini dari sudut yang lain. Misalnya, pengkaji berikut mengkaji dari sudut ekonomi dan rumahtangga perokok serta masyarakat.

Dengan melihat permasalahan mengenai rokok dari sudut yang lain, ia mampu mempelbagaikan jawapan dan seterusnya menarik perhatian para perokok untuk berusaha menghindarkan diri darinya dan pihak kerajaan boleh memikirkan semua dasar-dasarnya mengenai rokok semula.